



BELASUNGKAWA

Ketika ABIM menyambut ulang tahunnya ke 50, seluruh warga besar WADAH, ABIM dan PKPIM dikejutkan dengan pemergian dua tokoh besar selaku murabbi umat dan mujahid dakwah, yang selama ini menjadi tonggak kelangsungan dakwah khususnya di Malaysia dan rantau kepulauan Melayu. Dua tokoh besar yang dimaksudkan adalah;

- 1- Cikgu Abdul Halim bin Ismail (20 Julai 1952 - 25 Ogos 2021)
- 2- Prof. Dato' Dr. Siddiq Fadzil (4 Januari 1947 - 31 Ogos 2021)

Dalam tempoh yang sama kita juga kehilangan 3 orang staf institusi pendidikan ABIM, mereka yang dimaksudkan adalah;

- 1- Pak Nasral @ Aziz bin Idris (18 Januari 1954 – 26 Ogos 2021)
- 2- Puan Aida binti Ayob (21 Mac 1976 – 26 Ogos 2021)
- 3- Puan Zamidah Che Nuh (07 September 2021)

ALLAHYARHAM PROF. DATO' DR SIDDIQ FADZIL

Meninggal dunia pada 31 Ogos 2021



Dunia Melayu kehilangan seorang sarjana, murabbi umat dan tokoh intelektual rakyat yang pernah disifatkan ramai sebagai Guru Besar dakwah. Siddiq Fadzil, tokoh Maal Hijrah merupakan nama besar dalam kalangan pemikir, ahli akademik, pakar bahasa malah sebagai penggerak dakwah melalui jalur gerakan, pendidikan dan dalam kalangan ahli politik. Latar pendidikan Prof. Dato' Dr Siddiq Fadzil yang unik dengan pengantar bahasa Jawa, Melayu, Arab di samping Inggeris membolehkan beliau menguasai pelbagai bahasa lisan dan tulisan. Pengalaman pendidikan dan latar budaya budaya yang dilalui telah memperkaya dan memperkasa watak dan keperibadian beliau. Pada dirinya terserlah gabungan unik pelbagai kekuatan, ilmuan, intelek, ulama, pemikir umat, da'i-haraki, pendidik, pemimpin, pengkarya prolifik, pemidato di samping penyair. Kehadiran sosok bernama Siddiq Fadzil (74), telah memugar institusi yang pernah dipimpinnya terutama PKPIM, ABIM, WADAH, KDH, Majlis Tertinggi Pendidikan al-Hikmah dan IDE. Pada akhir usianya beliau diangkat sebagai profesor Adjung Universiti Selangor (UNISEL) dan Pengurus Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Dr Siddiq Fadzil menjadi perhatian dalam hampir kesemua ceramah atau pembentangannya. Celotehnya, kiasannya, pantun atau sajaknya serta ketajaman beliau memilih perkataan yang tepat menjadikan para peserta terikat di tempat duduk masing-masing sehingga tamat. Antara pemikiran dan idealisme yang telah beliau tinggalkan untuk rujukan umat dan penerusan pelaksanaan termasuklah:

- i- Pendekatan wasatiyah dalam menyampaikan mesej dakwah
- ii- Manhaj Maliziy – pendekatan keMalaysiaan
- iii- Penekanan non partisan dalam ABIM
- iv- Gagasan pembinaan generasi Rabbani melalui Pendidikan
- v- Gagasan pendidikan al-Hikmah dan pembinaan karakter
- vi- Minda Melayu baru
- vii- Politik dakwah adalah politik damai (as-salam) dengan misi Rahmatan Lil'alamin
- viii- Siri Tafsir Maudhu'i terkait isu semasa
- ix- Kepelbagaiannya dalam bingkai kesatuan dalam kerangka Fiqh Taayus
- x- Memugar kembali pemikiran dan kefahaman Maqasid Syariah

Seluruh warga Yayasan Takmir Pendidikan bersyukur kepada Allah kerana telah mendapat bimbingan dan pengarahan almarhum dan dengan kesempatan ini kami mengucapkan takziah buat Datin Ustazah Siti Zulaikha Mohd Noor dan seluruh keluarganya.

bersambung ke mukasurat 3



MENYAMBUT TAHUN BAHARU HIJRAH 1443 DENGAN PENUH CABARAN

Awal Muharam tiba lagi. Bulan baharu dalam tahun baharu Hijrah kali ini menyaksikan seluruh dunia masih lagi berada dalam suasana kemuraman dan kesuraman kerana dilanda pandemik Covid-19. Bagi umat Islam di Malaysia, kita menyambut tahun baharu Hijrah 1443 dengan menghadapi tiga cabaran utama iaitu (1) pandemik Covid-19, (2) krisis ekonomi dan (3) tidak kesetabilan politik.

Bagi mengekang merebaknya pandemik Covid-19 ini, pihak Kerajaan telah melaksanakan Printah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan ramai dalam kalangan pekerja kehilangan pekerjaan, para usahawan terpaksa menutup perniagaan mengakibatkan bertambahnya bilangan pengangguran. Keadaan ini telah mengakibatkan krisis ekonomi yang bertambah serius dan menjadi keresahan dan kesukaran kehidupan rakyat secara umum.

Pandemik Covid-19 adalah merupakan ujian daripada Allah SWT buat hambanya, untuk melihat bagaimana kita berinteraksi dengan-Nya dengan cara bersabar. Dalam menghadapi cabaran ini, kita hendaklah terus melaksanakan amal soleh dengan harapan adanya ganjaran dan hikmah kebaikan di sebalik kesukaran yang dihadapi.

Semangat hijrah Nabi Muhammad SAW wajar diambil pedoman dalam situasi berhadapan pandemik Covid-19 sekarang. Saat ini betapa penting semangat MuhaJRIN dan Ansar dipraktikkan dalam usaha membantu saudara-saudara kita yang hilang mata pencarian mereka akibat wabak yang telah melanda.

Marilah kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi dengan segala bentuk ancaman dan penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak Kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba Allah yang bersabar menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi SOP dan tatacara amalan norma baharu untuk memerangi pandemik Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.

Semoga tahun baharu hijrah yang disambut ini memberi nilai dan kekuatan kepada kita dalam menempuh cabaran yang mendatang. Oleh itu teruskan perjuangan walaupun terpaksa mengharungi rintangan demi rintangan hidup.

Hj. Samian Mohd Ali

Bicara Merdeka Seorang Guru Tua

Lima dasawarsa yang lalu
aku, anak desa yang dungu serba tak tahu
hanya ikut-ikutan melulu
memekik "Merdeka! Hidup Tunku!" bertalu-talu.

Hingga tiba ketika aku berani bertanya
ruh dan makna sepatah kata,
meminta bukti nyata sebuah cerita
"Merdeka".

Kutadah segala madah
Kuperah khazanah hikmah
Kutemukan daulat karamah insaniyah
Mulia perkasa dengan al-'izzah.

Merdeka siapa cuma mengenyah penjajah
Merdekaku meraih 'izzah
Deklarasi syahadah: la ilaha illa 'Llah
menyanggah berhala seribu wajah
mengenyah segala bedebah penjajah, penjarah, penjenayah.

Kubongkar pendaman fakta
Kubuka kitab pusaka
Terserlah deretan nama
Wira merdeka bukan Tunku sahaja
Ramai yang mendahuluiinya.

Mendadak aku bertanya
sejarah bikinan siapa?
Merdekakah kita,
julingkah mata sarjana
apabila tidak bersuara
tentang pahlawan tak dikenang
wira tak didendang?

Lima dasawarsa lamanya
banyak kata belum terkota
banyak lagi rupa tak seindah berita.
Bagi generasi yang semakin tak mengerti
kata merdeka bak mantra yang hilang sakti
dan mereka semakin tak peduli.

Jiwa merdeka sirna ditelan pesta
Matilah rasa hilanglah peka
betapapun gegak gempitanya
pekkian Merdeka! Merdeka! Merdeka!
Tetapi semerta terbelalak mata
bila setan korupsi menggoda,
"Mau duit ka? Mau duit ka? Mau duit ka?"

Gejala pesona yang kian menggila
menginjak taqwa menganjak jiwa
merdeka dengan Ketuhanan Yang Maha Esa
menjadi hamba kewangan yang "maha berkuasa".

Pada Hari Merdeka yang ceria
kusimpan tangis di balik tawa
kupendam cemas di tengah pesta.
Akan terjualkah merdeka kita?

Ditulis oleh Dato' Dr. Siddiq Fadzil
4 Oktober 2007

sambungan dari mukasurat 1

"Islah harus dijayakan dengan komitmen dan kekuatan iman, bukan mengharap dan menunggu pihak-pihak lain yang telah hilang minat dan kepedulian terhadap pendidikan kerana pendidikan adalah projek jangka panjang yang memakan masa. Sedang keinginan mereka hanya pada hal-hal yang serba sederhana. Kitalah! Kitalah yang akan sanggup berfikir 10 TAHUN, 20 TAHUN, 30 TAHUN. Jadi pendidikan itu projek 100 TAHUN membina generasi, membina generasi itu tidak selesai lima tahun. Harus sabar menunggu, sabar, sabar menunggu sehingga menjadi. Mudah-mudahan kita diberikan anugerah kesabaran seorang pendidik yang SABAR MENDIDIK ANAK BANGSA." (Siddiq Fadzil)

“..tika umat berantakan, politik bukan lagi atas prinsip kebenaran dan keadilan.. tika umat memerlukan bimbingan.. tika itu engkau dipanggil pulang ke Rahmat Allah yang Maha Mengasihi.. Murabbi kesayangan umat..” (Ahmad Azam)

ALLAHYARHAM CIKGU ABD HALIM BIN ISMAIL

Meninggal dunia pada 25 Ogos 2021



Abd Halim Ismail dalam kalangan rakan dan taulan menganggap perwatakannya sesuai dengan namanya. Lemah lembut dalam tutur kata dan tindakan, tekun dan istiqamah dalam kerja buat, sabar dalam kerja dakwah khususnya dalam menghadapi karenah umat, memberi teguran dan nasihat sepanjang masa. Dedikasi dalam tugas dan peranan khususnya dalam aspek kebaikan dan urusan dakwah. Setia kepada perjuangan dan sentiasa patuh kepada pemimpin di bawah payung syura. Di sebalik senyuman dan kelembutannya, allahyarham tegas dalam melaksanakan tindakan, beliau adalah pemain utama di sebalik tabir kejayaan Institut Sofa, PKPIM, ABIM dan WADAH.

Jawatan terakhir yang beliau sandang adalah Timbalan Presiden WADAH di samping menjadi pengurus Maktab dan Pengurus Jawatankuasa wakaf. Selaku petugas dakwah, cikgu Abd. Halim menjadi khud wah hasanah terutama dalam kalangan generasi pelapis. Kehilangan beliau amat dirasai oleh semua lapisan warga WAP. Justeru, seluruh warga besar YTP khasnya dan WAP amnya akan terus mengenang jasa beliau sepanjang zaman.

ALLAHYARHAMAH PUAN AIDA AYOB

Meninggal dunia pada 26 Ogos 2021



Seluruh warga Yayasan Takmir Pendidikan mengucapkan takziah kepada warga SEMESTI dan keluarga Puan Aida Ayob atas kembalinya kerahmatullah pada usia muda 45 tahun atas sebab jangkitan covid-19. SEMESTI kehilangan seorang pegawai kewangan yang dedikasi, tegas, amanah, peramah dan pemurah. Allahyarhamah memulakan khidmat sebagai Petugas Sekretariat WAP Kedah pada 2001 dan berpindah ke SEMESTI selepas menerima tawaran sebagai Pegawai Tadbir Kewangan pada 2012. Beliau sempat berkhidmat di bawah kepimpinan 3 orang pengetua SEMESTI dan meninggalkan dua orang cahaya mata. Didoakan semoga roh beliau dikelompokkan dalam kalangan orang beriman dan memperoleh Redha Allah.

ALLAHYARHAM PAK NASRAH @ AZIZ BIN IDRIS

Meninggal dunia pada 26 Ogos 2021



Kembalinya ke Rahmatullah Pak Aziz Idris merupakan suatu kehilangan seorang yang berjasa kepada kelangsungan kelestarian kompleks pendidikan Sungai Ramal yang dahulunya lebih di kenali sebagai Pusat Latihan ABIM (PLA). Khidmat Pak Aziz selaku pekerja am adalah seusia bangunan tersebut. Almarhum sebelumnya bekerja dengan kontraktor yang membina bangunan PLA. Apabila bangunan siap, ABIM mengambil beliau bekerja sebagai pembantu am. Beliau dilaporkan sebagai pekerja @ penjaga PLA yang dedikasi dan komited dengan kerjanya. Bermula dengan kebersihan kawasan, mengemas dewan, menyusun kerusi meja sebelum dan selepas sesuatu program yang melibatkan PLA.

Selepas PLA ditadbir oleh Kolej Dar al-Hikmah, Pak Aziz diserap sebagai pekerja am di KDH dengan peranan dan tugas yang sama. Beliau baharu sahaja bersara (4 Mac 2021) dalam usia 67 tahun. Semua akan terkenangkan Pak Aziz kerana dedikasi, keramahan dan kemesraan sapaannya. YTP yang pernah beroperasi di PLA pernah menerima khidmat beliau dan mendoakan kesejahteraannya di dunia abadi. Takziah buat keluarga yang ditinggalkannya.

bersambungan ke mukasurat 4

ALLAHYARHAMAH CIKGU ZAMIDAH CHE NUH

Meninggal dunia pada 07 September 2021



Allahyarhamah Cikgu Zamidah Che Nuh adalah Guru Besar TASKI Tanah Merah, Kelantan. Seorang guru senior yang dedikasi dan luhur budinya, seorang pendidik yang komited mengasuh dan mendidik anak-anak TASKI ABIM. Keluarga besar YTP turut bersedih dengan kehilangan seorang pendidik yang telah berjasa besar dalam pendidikan khususnya dalam kalangan anak-anak TASKI Tanah Merah. Takziah diucapkan buat keluarga Allahyarhamah, semoga rohnya kembali menemui Rabbul Jalil dalam keadaan tenang dan memperoleh Redha-Nya.

Laporan : Khailani A. Jalil

PROGRAM ISLAH
SEKOLAH**PROGRAM ISLAH SEKOLAH - SIRI 2**

Oleh Tuan Haji Musleh Yunos

FASA 1**MEMBANGUN**
Developing

- Membina kesedaran & kepercayaan guru
- Memahami Kekuatan dan Kelemahan
- Mengumpul data; Learning walk, suara guru dan murid
- CPD : Program Islah Sekolah
- Persekutuan pembelajaran positif

FASA 2**MENINGKAT**
Enhancing

- Bimbingan , Coaching & Mentoring
- Meningkatkan kemahiran & kompetensi guru
- Mengoptimumkan sumber
- Memantapkan pemimpin pertengahan dan guru sumber
- Mewujudkan hubungan luar
- Menyerlahkan budaya sekolah

FASA 3**MENEROKA**
Exploring

- Meneroka nilai tambah
- Menyerlahkan kebitaraan
- Mewujudkan jalinan & jaringan
- BOS dan Inovasi

FASA 4**MERAIKAN**
Celebrating

- Menjadi Showcase; Benchmark
- Berkongsi kemahiran
- Membimbang dan membuat perkongsian sekolah PIS

Program
Islah Sekolah**FASA PELAKSANAAN TRANSFORMASI SEKOLAH****STRATEGI ISLAH**

Strategi Bimbingan untuk menyokong sekolah ;

- Memperkasa Kepimpinan
- Meningkatkan kualiti amalan Pengajaran Guru
- Menambahbaik Pembelajaran Murid
- Meningkatkan Penglibatan Ibumapa dan Pemegang Taruh


RUMUSAN

Pengurusan sekolah dan guru-guru perlu mengenal pasti amalan positif sedia ada serta melaksanakan tindakan secara terancang perkembangan baharu dalam Program Islah Sekolah untuk menjamin keberhasilan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti.dapat dijayakan dengan sebaik-baiknya.

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah YTP Tahun 2021



Warga Kerja Yayasan Takmir Pendidikan Tahun 2021



PERISTIWA



1. Perhimpunan sekolah norma baharu di SERI Sg. Ramal Kajang pada setiap hari Isnin bermula jam 8 pagi.
2. Tn. Hj. Mohd Musleh Ketua Pengarah YTP memberikan penerangan mengenai Program Islah Sekolah secara atas talian.
3. Sesi penerangan secara atas talian oleh Tn. Hj. Ishak mengenai SOP pembukaan TASKI seluruh Malaysia.

3

7	PENGURUSAN PRASARANA	Pembentukandan Segarhan (PS)
8	KESELAMATAN & KESIHATAN	Perancangan PIP yang berencana dan terfokus kepada prestasi dan tujuan
9	INGURUSAN PdP	Menyediakan segarhan bagi memudahkan surau dalam beroperasi
	PELIBATAN IBU BAPSA	Menyediakan segarhan bagi ibu bapa dan ahli keluarga dalam beroperasi

KESELAMATAN & KESIHATAN

- SARINGAN PINTU MASUK**
 - Semakan suhu badan
 - Termasuk ibu bapa/penjaga
 - Murid / Guru / Pekerja memakai pelitup separuh muka
- AMALAN KEBERSIHAN**
 - Membersihkan langan / sanitasi
 - Sentiasa memakai pelitup separuh muka
- PERJALANAN**
 - Deklarasi perjalanan kepada IPS
 - Semakan rekod perjalanan dan kesihatan
- BERGEJALA**
 - batuk
 - selesma
 - >37.5°C
- ISOLASI**
 - Murid/guru/pekerja diasangkan
 - Dimeklumkan kepada keluarga
- KES POSITIF**
 - Hubungi PKD
 - Mendapatkan rawatan
 - Lapor ke rapat kepada PKD

TAHNIAH!

Pasukan Bola Sepak
SM Seri-Seri
dianugerahkan kejayaan dalam MSSD
Seremban 1

Darwish
Tempat ketiga
Hantaran Tepat

Zain Nasri
Johan
Hantaran Tepat

Haziq Mustaqim
Johan
Berlari

Mulhim
Tempat ke-2
Menggelecek Bola

4



- Syabas dan Tahniah kepada semua pelajar SRI Seremban yang telah menyertai pertandingan kemahiran bola sepak dalam talian anjuran MSSD Seremban.
- SERI ABIM Sungai Ramal akan menyertai Kejohanan Catur MSSD Hulu Langat Bawah 12 Tahun pada 4hb September 2021 (Sabtu).
- Adik Insyirah pelajar SRI Johor Bahru yang aktif dalam sukan skuasy kategori perempuan sejak usia 7 tahun. Menjalani latihan di Kelab Southern Squash, sebuah kelab berdaftar dengan Pesuruh Jaya Sukan Malaysia. Pencapaian pada 2020 tempat ke-6 di MSSD Johor Bahru dan pada tahun 2021 tempat ke 4 MSSJ (layak MSSM).

5

KEJOHANAN CATUR RENDAH &
MENENGAH MSSD HULU LANGAT
2021 SECARA DALAM TALIAN



Nik
Aqeef

MU'MIN

'Afif

Baihaqi



INSYIRAH
BINTI MOHD IQHBAL NAEEM
SEKOLAH RENDAH ISLAM
JOHOR BAHRU
KOD : JJAB001

6



AKTIVITI TASKI



Majlis Penyerahan Wakaf Komputer TASKI yang berjalan selama lebih kurang 2 jam adalah salah satu inisiatif Yayasan Takmir untuk membantu guru-guru TASKI dalam menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPr) yang menjadi medium utama Pendidikan pada masa kini. Majlis ini telah diadakan pada 29 Jun 2021 (Selasa) secara maya melalui aplikasi Zoom. Program ini juga adalah salah satu usaha Yayasan Takmir dalam membantu TASKI seluruh Malaysia yang tidak berkemampuan memiliki komputer untuk meneruskan sesi PdPr yang sepatutnya. Faktor tidak memiliki komputer atau komputer riba di TASKI menyulitkan pihak TASKI meneruskan proses PdPr. Oleh itu dengan adanya program seperti ini dapat membantu TASKI untuk meneruskan sesi PdPr dengan jayanya.

Sebanyak 14 buah komputer telah diterima oleh pihak Yayasan Takmir dan telah diserahkan kepada 14 buah TASKI terpilih dan layak menerimanya. 10 buah komputer telah disumbangkan oleh Aras Mega (M) Sdn. Bhd. sebagai penyumbang utama yang diwakili oleh Pengarah Urusan syarikat Tn. Hj. Abd Rahman bin Abdul Karem. Selebihnya 4 buah komputer telah disumbangkan oleh pihak Yayasan Takmir sendiri.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengarah TASKI Tuan Haji Ishak Ali Shah, Ucapan Ketua Pengarah YTP Tuan Haji Musleh Mohd Yunos dan oleh penyumbang utama Pengarah Urusan Aras Mega (M) Sdn. Bhd. Majlis turut dimeriahkan oleh pelbagai pihak seramai 100 orang lebih termasuk ahli Jemaah WAP.

Laporan : Khairani Thanin

Mengenali Sekolah

MAAHAD TAHFIZ SAINS DARUL ILMI



Maahad Tahfiz Sains Darul Ilmi (MTSDI) merupakan sebuah institusi pendidikan tafiz di bawah kelolaan Yayasan Takmir Pendidikan Negeri Johor (YTPN Johor). Lokasi MTSDI terletak di Lot 1665, Jalan Gelang Chinchin, Mukim Jabi, Segamat Johor Darul Takzim, dan jaraknya dari bandar Segamat sekitar 15 kilometer. Dengan BerVisi "Huffaz Profesional Yang Berhikmah Menuju Keredhaan Allah", MTSDI mula beroperasi sepenuhnya bermula 17 Januari 2014.

Melalui pemuaafakan antara Pewakaf tanah dan bangunan iaitu Tuan Haji Harris Bin Mat Jadi dan Pemegang Amanah Darul Ilmi, YTPN Johor, WADAH Negeri Johor serta ABIM Daerah Segamat, maka tertubuhlah MTSDI yang menyediakan pengajian tafiz dan akademik bagi persediaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Maahad Tahfiz ini In syaa Allah bakal melahirkan huffaz yang profesional serta mempunyai kefahaman dan penghayatan agama yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah seterusnya disepadukan dengan ilmu-ilmu kehidupan semasa.

MTSDI mempunyai 2 unit asrama, iaitu asrama lelaki dan perempuan yang jumlah kapasiti 45 orang dalam satu masa. Sehingga kini (Februari 2021), MTSDI mempunyai 4 orang guru lelaki, 4 orang guru perempuan, 2 orang staf sokongan sepenuh masa. Disamping itu dibantu oleh 4 orang guru luar yang akan hadir mengikut jadual akademik mengikut hari-hari tertentu.

Para pelajar MTSDI adalah terdiri daripada umur 7 tahun hingga 19 tahun. PdP akademik sepenuhnya menggunakan silibus KSSR dan KSSM manakala hafazan menggunakan silibus yang digubal oleh Jawatankuasa Unit Hafazan yang digunakan oleh setiap pelajar yang mana akan ditekankan saba' (hafazan baru), pra saba' (hafazan lepas), dan mokhtar (hafazan lama).

Pada tahun 2019, MTSDI telah melahirkan seorang hafiz al-quran pertama, iaitu adik Muhammad Aqil Izzudin Bin Mohd Rizal, mula menghafal pada 18 Januari 2016 – 13 Disember 2019. Seterusnya pada tahun 2020, MTSDI telah melahirkan 3 orang huffaz, iaitu adik Muhammad Hazriq Hakim Bin Norazlan, mula menghafaz 15 Januari 2017 – 31 Ogos 2020, adik Norhidayu Bte Zolkafli mula menghafaz 15 Januari 2017 – 27 Oktober 2020 dan adik Norbanin Humaira mula menghafal 15 Januari 2017 – 27 Oktober 2020.

Alhamdulillah, setiap tahun permintaan kemasukan ke MTSDI semakin meningkat, namun kapasiti asrama hanya untuk 45 orang dalam satu masa. Untuk menampung permintaan yang bertambah Insya Allah di masa akan datang pembinaan asrama tambahan akan dapat dilaksanakan.

Laporan : Suhaili Hussin

Datuk Ustaz Hj. Ali Umar



Dilahirkan pada 24hb Disember 1946 di Kg Rim Bt. 19 3/4, Jasin, Melaka. Sekarang menetap di 526-1, Taman Putra, Bukit Baru, 75150, Melaka. Mendapat pendidikan awal di Sek. Kebangsaan Jasin, kemudian melanjutkan pelajaran ke Sekolah Rendah Arab, Madrasah Loghattul Quran Muar Johor dan seterusnya sambung ke Maahad Johor 1970.

Menyambung pengajian ke Universiti Al Azhar, Mesir Kuliah Usuluddin bidang Tafsir dan Hadis 1972-1977. Seterusnya pada tahun 1979, memperolehi Diploma Pendidikan dari Universiti Ennussham Kahirah Mesir. Melengkapkan Sarjana Kaunseling Kombo daripada UPM pada tahun 2000.

Pengalaman kerjaya sebagai guru mulai 14 Januari 1980 hingga 31 Disember 1980 sebagai Guru Agama di Sekolah Teknik Bukit Piatu, Melaka. Kemudian mulai 1 Januari 1981 ditugaskan di Sekolah Meneganh Muzaffar Syah, Ayer Keroh, Melaka sehingga Disember 1994. Mulai Disember 1994 hingga Disember 2002 bertugas di Maktab Perguruan Melayu Melaka (MPPM) sehingga bersara.

Semasa dalam perkhidmatan banyak kursus yang dihadiri antaranya ialah Kursus Bahasa Arab dari Universiti Ummulquraq Saudi, diadakan di Nilam Puri Kelantan. Kursus Bahasa Arab di Universiti Malik Saud, Riyard Saudi, serta kursus-kursus lain didalam negara.

Dalam Jemaah WAP, beliau terlibat dengan ABIM mulai tahun 1980 daripada peringkat Unit, Daerah, Negeri. Pernah memegang jawatan Yang DiPertua (YDP) ABIM Melaka Tengah, YDP ABIM Negeri Melaka, Pengurus Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Cawangan Melaka. Sehingga kini beliau setia menjadi ahli Koperasi Belia Islam Malaysia (KBI). Beliau diamanahkan sebagai Pengurus Syura Negeri Melaka.

Penglibatan beliau dalam masyarakat antaranya ialah Ahli Majlis Islam Melaka, Pembimbing Penceramah Haji Negeri Melaka 1985 hingga 2017. Pembimbing Haji di Mekah 2007 dan Ahli jawatankuasa Fatwa Melaka hingga kini. Jawatan yang masih disandang sehingga kini ialah Pengurus Guru Ta'mir Masjid & Madrasah Melaka. Timbalan Pengurus Persatuan Ulamak Melaka dan AJK Koperasi Muslimin Berhad Malaysia. Dianugerah D.P.S.M. Membawa Gelaran Datuk, oleh kerajaan Negeri Melaka pada Oktober 2017.

Sidang Redaksi

Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman

Suhaili Husin

Khairani Thanin

Mohd Naim Mohd Nor

Che Abd Fatah Che M. Nor

Syahirah Zamasry

Norhasikin Ismail

Susunatur Grafik

Khairul Anuar M. Ariffin

Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan
No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,
43650 Bandar Baru Bangi


Emel:

yayasantakmir@gmail.com

Tel: 03-89265853 / 03-89202308

Fax: 03-89201788

Laporan : Suhaili Hussin



Iktibar Maal Hijrah

Mengembalikan Sinar Tahun Hijrah

Sabtu tahun kita meraikan sambutan tahun baru hijrah dengan pelbagai program, biarpun dalam suasana negara di selubungi wabak covid-19, namun sambutannya tetap diraikan oleh pelbagai pihak terutama media-media utama negara. Tetapi sayangnya sambutan-sambutan tersebut hanyalah berbentuk penceritaan yang retorik sahaja, atau hanya sekadar melepaskan batuk ditangga sahaja, ini kerana kisahnya diangkat, slogannya dilaung-laung dengan tema-tema yang hebat, berlumba-lumba setiap tahun mencari slogan mana yang lebih menarik dan bertepatan dengan kehendak kerajaan semasa, tetapi pengamalan harian dalam kehidupan tidak mencerminkan yang syiar tahun hijrah ini diletakkan pada tempat yang selayaknya.

Kejayaan musuh Islam mengesampingkan kepentingan syiar ini dari kehidupan umat Islam sangat perlu dikaji semula, kerana ia banyak melunturkan jatidiri dan nilai-nilai keislaman dari dalam diri umat Islam itu sendiri, walaupun ada usaha-usaha mengembalikannya di dalam calendar, dan mengangkat beberapa peristiwanya sebagai cuti tahunan, namun ia sekadar sebuah ingatan sahaja, secara praktikalnya tiada apa-apa implikasi dalam kehidupan harian kita. Tarikh harian kita tetap pakai yang masih, awal bulan Ramadhan dan Syawal sahaja yang ditunggu-tunggu, bulanan kita yang lain semua perkiraan bulannya tetap januari februari, muharram safar sudah hilang dari radar kehidupan kita. Boleh dikata hampir 98% daripada kita jika ditanya hari ini berapa hari bulan ikut taqwim hijri pasti tidak akan dapat menjawabnya, berbanding tarikh masih. Ini realiti yang berlaku dalam kehidupan umat Islam hari ini, hatta di negara-negara arab sendiri, tarikh hijri bukan lagi menjadi keutamaan. Surat menyurat, penggunaan tarikh harian diakhbar-akhbar semuanya berdasarkan bulan masih.

Antara kejayaan ulama dahulu apabila mereka telah menyedari bahawa syiar-syiar umat Islam ini akan terhakis dan dilupakan, lalu mereka ikatkan syiar-syiar ini dengan program-program kemasyarakatan, antaranya mengadakan majlis ingatan dan dikaitkan dengan makanan tertentu contohnya jika di Mesir untuk sambutan Maulid nabi saw, majlis sambutan diadakan jualan gula-gula khas sempena maulid. Begitu juga dengan mainan dan anak-anak patung khas yang hanya dijual sempena bulan maulid sahaja, gerai-gerai akan dibuka di tepi jalan khas untuk jualan maulid ini sahaja. Di negara kita sambutan tahun baru hijri dan 10 Asyura diikatkan dengan majlis sambutan dan makanan bubur Asyura yang sangat tradisi ditunggu-tunggu saban tahun sambutannya dibeberapa tempat, namun proses menyah-ingatan dan kejayaan memuziumkan sebahagian besar sejarah kegemilangan umat Islam ini amat mendukacitakan kita.

Apa sebenarnya yang tersembunyi di sebalik nama Tahun Hijrah?

Perbezaan amat jauh pada apa yang tersirat di sebalik nama tahun hijrah dan nama tahun masih, walaupun kedua-duanya dikaitkan dengan agama dari langit pada asalnya, namun apa yang tersirat di sebalik nama tahun masih hanyalah sebuah kenangan tarikh lahir yang perlu diraikan seperti semua orang meraikan hari kelahiran mereka. Istimewanya ia adalah tahun kelahiran anak tuhan pada pegangan mereka, ditambah dengan beberapa dogongan untuk dilihat menarik dan menggembirakan komuniti mereka, sebagai perkara utama yang diangkat ketika mengingati hari Krismas.

Berbanding apa yang tersirat di sebalik nama tahun hijrah, ia adalah sebuah kenangan kegemilangan umat Islam di bawah pimpinan Rasulullah saw. Malah hijrah sendiri adalah titik permulaan berkembangnya sejarah kegemilangan umat Islam dari sebuah perkampungan kecil Madinah menjadi sebuah empayar besar yang menguasai dua pertiga dunia klasik, merentas tiga benua Ketika itu, menjangkau usia 1.4 abad, mengatasi tamadun-tamadun besar yang pernah wujud di dalam sejarah kemanusiaan.

Jadi amat bahaya bagi tamadun barat yang baru naik dalam 200 tahun terakhir ini, jika umat Islam sering mengingati sejarah kegemilangan mereka, berusaha untuk bangun dan meneladani kebangkitan lalu. Ia akan menjadi saingan sengit kepada mereka yang banyak menciptakan kegemilangan yang palsu dalam banyak hal, berbanding kegemilangan Islam yang tulen, bermaruah dan sangat menginspirasikan. Inilah yang menjadi perbezaan besar antara mengingati tahun baru hijrah dan masih.

Maka menjadi tanggungjawab kita untuk mengembalikan sinar pada khazanah kegemilangan tamadun Islam yang tersirat di sebalik peristiwa Hijrah Rasulullah saw dan mengangkat kembali syiar-syiar Islam yang kita warisi ini kepada generasi seterusnya dengan acuan dan warna yang baru bersesuaian dengan zaman mereka.

Marilah kita bersama-sama melakukan penghijrahan daripada baik kepada lebih baik di dalam semua aspek kehidupan kita, pasakkan azam, bentangkan perancangan, usahakan perlaksanaan, kemudian berserah dan bertawakkallah kita pada Allah swt, semoga impian besar kita diper mudahkan. Amin.

Ustaz Mohd Naim Mohd Nor



Ustaz Khosenulhan



Pn. Shalmisyam



Ustaz Hanapiyah



Pn. Rogayah



Pn. Juhaini

1. Ustaz Khosenulhan Bin Ab. Rahman telah meletakkan jawatan sebagai Guru Besar Sekolah Rendah Islam Indera Mahkota Kuantan Pahang pada 29hb. Januari 2021. Perletakkan jawatan ini kerana beliau telah dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) sebagai Ketua Penaziran bagi sekolah-sekolah Agama/ Maahad Tahfiz bukan kerajaan. Sehubungan dengan itu, Pn. Shalmisyam Binti Shahuddin telah dilantik sebagai Pemangku Guru Besar Sekolah Rendah Islam Indera Mahkota, Kuantan Pahang, berkuatkuasa mulai 1hb. Februari 2021.
2. Encik Mohd Hanapiyah Bin Ardi Guru Besar Sekolah Rendah Islam ABIM Sg Ramal Dalam Kajang telah bersara wajib mulai 31 Ogos 2021. Beliau telah bertugas sebagai Guru Besar mulai 1hb. November 2016.
3. Pn. Rogayah Binti Sebli telah dilantik sebagai Guru Besar Sekolah Rendah Islam ABIM Sg Ramal Dalam Kajang menggantikan En. Mohd Hanapiyah Bin Ardi, berkuatkuasa mulai 1hb. Ogos 2021.
4. Pn. Juhaini Binti Saif telah dilantik sebagai Pengetua Sekolah Menengah Islam ABIM Sg Ramal Dalam Kajang menggantikan Pn. Rogayah Binti Sebli, berkuatkuasa mulai 1hb. Ogos 2021.

Pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan YTP mengucapkan tahniah kepada mereka yang baru dilantik dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, jazakumullah khairan kathira kepada Ustaz Khosenulhan Bin Ab. Rahman dan En. Mohd Hanapiyah Bin Ardi diatas jasa baik dan pengorbanan semasa berkhidmat dengan Pusat Pendidikan YTP.

Laporan : Suhaili Husin

DR. HJ. ABD. KHAHAR BIN SAPRANI

**Pengarah Teknologi Pendidikan & Sumber Pembelajaran Digital
Yayasan Takmir Pendidikan**



Dr. Hj. Abd. Khahar b. Saprani telah dilantik sebagai Pengarah Teknologi Pendidikan dan Sumber Pembelajaran Digital berkuatkuasa pada 1 Jun 2021. Beliau merupakan mantan Pensyarah Kanan di Jabatan Pedagogi Tinggi IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur. Berkelulusan PhD dalam bidang Teknologi Pengajaran di Universiti Malaya. Ijazah Sarjana dalam bidang Pendidikan di Texas, USA dan Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Sosial (Geografi) di Universiti Malaya.

EBOOK YTP

DAPATKAN BUKU YTP SECARA MAYA

Layari
ebook.yayasan takmir pendidikan.com